

24 MAR 1999

Mahathir-Korban

RAYA HAJI: MAHATHIR TIDAK ADAKAN RUMAH TERBUKA TAHUN INI

ALOR SETAR, 24 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mengadakan rumah terbuka sempena Hari Raya Korban tahun ini seperti kebiasaannya pada tahun-tahun sebelumnya.

Wakil Peribadi Perdana Menteri di kawasan Parlimen Kubang Pasu, Tan Sri Osman Aroff berkata majlis itu tidak dapat diadakan kerana Perdana Menteri akan berada di Mekah menunaikan fardu haji.

"Dr Mahathir akan bertolak ke Mekah pada petang ini," kata Osman ketika menghubungi Bernama, hari ini.

Hari Raya Korban akan disambut oleh umat Islam di negara ini pada Ahad ini (28 Mac).

Kebiasaannya pada setiap raya haji beribu-ribu orang dari pelbagai kaum akan mengunjungi rumah terbuka Dr Mahathir di Dewan Jitra.

Osman berkata Dr Mahathir telah mewakili beliau untuk menyerahkan empat ekor lembu korban untuk diagihkan kepada masyarakat kampung, masing-masing seekor di kawasan Jitra, Tunjang, Titi Gajah dan Pendang.

Katanya, Dr Mahathir turut mengucapkan selamat Hari Raya Korban kepada penduduk di kawasan Parlimen Kubang Pasu dan berharap mereka bergembira menyambutnya walaupun tanpa rumah terbukanya yang lazim diadakan sebelum ini.

-- BERNAMA

MN WAT